

## Eksklusif



Nama: Siti Roihan Hashim  
No kad Pengenal:  
720925-06-5398  
Alamat: Bandar Indera  
Mahkota, Pahang.

Oleh Bennie Zie Fauzi  
bennie@bharian.com.my

**B**UKTI persaingan sengit Pertandingan Rumah Idaman 2009 begitu ketara pada pemilihan minggu ke-11 apabila barisan juri terpaksa menghabiskan kira-kira tiga jam lamanya membuat pilihan. Ini disebabkan, kediaman yang dipertandingkan bukan saja memiliki hiasan dalam yang berkualiti, tetapi juga hampir sebahagian gaya penataan ditampikan menepati prinsip serta peraturan asas tata hias.

Daripada empat kategori dipertandingkan, kategori Teres sehingga kini terus mengungguli penyertaan sekali gus menyebabkan juri mengambil masa hampir sejam semata-mata menentukan pemenangnya.

Diminta mengulas, Ketua Juri merangkap Pensyarah Kanan Reka Bentuk dan Seni Bina Dalam, Fakulti Seni Bina Universiti Teknologi Mara (UITM), Hamidon Abdullah, menyifatkannya sebagai perkembangan baik kerana wujud kesedaran mendalam di kalangan pemilik rumah untuk mengindahkan kediaman mereka.

Hamidon bagaimanapun mengakui sepanjang penjurian, beliau dan rakan juri gagal mengesan peserta yang benar-benar menyerlah bukan saja dari segi pilihan konsep rumah tetapi tidak memiliki karisma menyeimbangkan gaya ruang, belum bersedia mencuba gaya hiasan moden kontemporari selain masih terdapat penataan sesuai keperluan ruang.

"Kecenderungan mempelbagaikan tema hiasan rumah sudah ada namun bagi gaya moden misalnya, tidak ramai mampu menggarap dan mengadun dengan baik. Kelemahan bukan saja dari aspek menyeimbangkan suasana dan gaya ruang ke ruang tetapi canggung dalam menyediakan perabot, warna serta aksesori menepati keperluan gaya itu," katanya.

Selain Hamidon, penjurian minggu ini turut disertai Pensyarah Reka Bentuk Dalam dan Fakulti Seni Bina dan Persekitaran Binaan Universiti UCSI, Ariff Budiman Mohamad; Pengarang Berita Minggu, Azhar Abu Samah; Ketua Unit Grafik Berita Harian (BH), Mohd Zohri Sukimi dan Pengarang XY, Shamsul Azree Samshir.

Empat pemenang bertuah minggu ini ialah eksekutif akaun, Azura Shamsudin dari Petaling Jaya bagi kategori Pangsapuri/Flet/Apartmen; suri rumah, Hasni Shahidin dari Beserah Pahang (Rumah Warisan); pengurus bank,



Dari kiri: Shamsul Azree, Hamidon, Md Zohri, Azhar dan Ariff Budiman memilih pemenang minggu ke-11.

# Sukar buat pilihan

Juri ambil masa lama pilih pemenang minggu ke-11 Pertandingan Rumah Idaman 2009

Aniza Mohd Hashim yang menetap di Cheras, Kuala Lumpur (Teres) dan pegawai syarikat telekomunikasi, Siti Roihan Hashim dari Kuantan Pahang bagi kediaman Eksklusif.

Semua pemenang akan menerima produk pendingin hawa LG ICE10R bernilai RM1,259 sumbangan LG Electronics Sdn Bhd (LG) yang turut menaja pertandingan kali ini. Lebih menarik, semua pemenang layak bertanding untuk peringkat seterusnya, sekali gus dipertimbangkan bagi memenangi hadiah utama pertandingan. Berita Minggu akan menghubungi semua pemenang minggu untuk urusan hadiah.

Selain LG, pertandingan

ini menawarkan hadiah lumayan bernilai RM300,000 dalam bentuk wang tunai, cat, perabot dan perkakasan elektrik untuk direbut. Pertandingan berlangsung selama tiga bulan menyenaraikan ICI Paints (Malaysia) Sdn Bhd (ICI Paints) sebagai penaja utama, manakala penaja bersama adalah LG Electronics (M) Sdn Bhd dan Fella Sales and Services Sdn Bhd yang turut mengetengahkan perabot daripada American Accents, Urban Culture dan Morph.

Mengenal kesinambungan serta keseimbangan ruang, Ariff Budiman berkata, hanya 20 peratus peserta memahami definisi serta

**“Kecenderungan mempelbagaikan tema hiasan rumah sudah ada namun bagi gaya moden misalnya, tidak ramai mampu menggarap dan mengadun dengan baik”**

Hamidon  
Abdullah  
Ketua Juri

keperluan konsep itu sekali gus mencubanya di kediaman sendiri.

"Daripada keseluruhan empat ruang rumah misalnya, akan ada satu sudut dilihat amat berbeza dan tidak sejajar konsep serta tema diketengahkan. Garapan bertentangan cita rasa dan aliran gaya ini bukan saja mencatatkan tata hias bahkan menenggelamkan sama sekali usaha kediaman seragam konsep. Bagi saya, ini punca utama peserta gagal mara ke peringkat seterusnya," katanya.

Justeru, bagi pertandingan akan datang, Ariff Budiman mengesyorkan peserta membuat banyak rujukan dan ini katanya

boleh diperoleh melalui pembacaan majalah hiasan dalaman, menonton program berkaitan hiasan dekorasi dalam selain tidak segan bertanyakan dan meminta pendapat rakan serta jiran yang berkunjung ke rumah.

"Saya dapati sebilangan peserta berpotensi untuk menang namun kerana kurang ilmu serta tidak gemar merujuk majalah hiasan dalaman dan segan meminta pendapat rakan, maka gaya penataan dipersembahkan jadi kaku dan huru-hara. Saya fikir sikap ini patut diubah sekiranya peserta berhasrat mencuba pertandingan ini lagi," katanya.

## Teres



Nama: Aniza Mohd Hashim  
No kad pengenal: 720109-07-5870  
Alamat: Cheras, Kuala Lumpur.

## Warisan



Nama: Hasni Shahidin  
No kad pengenal:  
640214-03-5002  
Alamat: Beserah, Pahang.

## Pangsa/Flet/Apartmen



Nama: Azura Shamsudin  
No kad pengenal:  
780917-14-5122  
Alamat: Kota Damansara,  
Petaling Jaya, Selangor.